



"1MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj.Kami: MPM.100-1/7/1 (1)
Tarikh: 21 Jamadilakhir 1435 H
21 April 2014

Semua Pengetua Sekolah Menengah yang ada Tingkatan 6 (Kerajaan dan swasta)
Semenanjung Malaysia, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak

Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan

PEMBERITAHUAN MPM.100-1/7/1(1)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA:

- 1. PERTUKARAN NAMA PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) STPM KEPADA KERJA KURSUS**
- 2. CALON YANG SABIT KES SALAH LAKU DALAM PEPERIKSAAN STPM TIDAK BOLEH MENDUDUKI PEPERIKSAAN ULANGAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita disampaikan Pemberitahuan Majlis Peperiksaan Malaysia tentang **PERTUKARAN NAMA PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) STPM KEPADA KERJA KURSUS** dan **CALON YANG SABIT KES SALAH LAKU DALAM PEPERIKSAAN STPM TIDAK BOLEH MENDUDUKI PEPERIKSAAN ULANGAN** seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Peperiksaan Malaysia (Majlis) yang ke-129 (Bil. 1/2014) pada 19 Mac 2014 untuk rujukan/makluman/tindakan pihak Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Datin/tuan/puan.

3. Mohon jasa baik Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Datin/tuan/puan hebahkan Pemberitahuan ini kepada pihak yang berkepentingan di negeri/jabatan/bahagian Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/ Datin/tuan/puan. Sila Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Datin/tuan/puan akui penerimaan Pemberitahuan ini dengan melengkapkan dan mengembalikan borang Akuan Penerimaan yang dilampirkan ke Majlis Peperiksaan Malaysia melalui faksimile di talian **03-61367 329** dengan kadar **SEGERA**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang ikhlas

DR. JAMIL BIN ADIMIN
Ketua Eksekutif
Majlis Peperiksaan Malaysia

...2/-



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN

PEPERIKSAAN

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)

1. PERTUKARAN NAMA PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) STPM KEPADA KERJA KURSUS (KK) STPM

Berkuat kuasa dari tarikh Pemberitahuan ini, nama Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) STPM ditukar kepada **Kerja Kursus (KK) STPM**. Namun demikian, konsep, prinsip, dan prosedur pengendaliannya masih kekal berpandukan kepada konsep, prinsip, dan prosedur pengendalian sedia ada.

2. CALON YANG SABIT KES SALAH LAKU DALAM PEPERIKSAAN STPM TIDAK BOLEH MENDUDUKI PEPERIKSAAN ULANGAN STPM

Mulai peperiksaan STPM 2015, calon yang disabitkan bersalah dalam kes salah laku dalam peperiksaan STPM sama ada pada penggal 1 dan/atau penggal 2 dan/atau penggal 3 **TIDAK** akan dibenarkan untuk mendaftar dan menduduki peperiksaan ulangan STPM bagi kertas yang beliau didapati sabit kes salah laku. Keputusan keseluruhan bagi mata pelajaran yang kertasnya disabitkan dengan kes salah laku dalam peperiksaan STPM juga akan **DIBATALKAN**. Slip keputusan peperiksaan calon bagi mata pelajaran yang berkenaan akan dicatatkan dengan keputusan kod Z.

Majlis Peperiksaan Malaysia
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
Selangor Darul Ehsan

Telefon: 03-6126 1600
Faksimile: 03-6136 1488
E-mel: ceo@mpm.edu.my
Portal: www.mpm.edu.my

18 APRIL 2014